

30/06/1999

24 sahkan kehadiran di mesyuarat IAP

Hizral Tazzif Hisham

WALAUPUN tanpa kehadiran Mr Strategy, Kenichi Ohmae yang patah kakinya kerana terjatuh ketika menunggang mountain bike, Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yang mengadakan mesyuarat ketiganya di Cyberjaya awal bulan depan, terus mendapat sokongan menggalakkan daripada ahlinya.

Seramai 24 anggota IAP sudah mengesahkan kehadiran mereka dalam mesyuarat yang dijadualkan pada 8 Julai ini, termasuk 13 tokoh utama sementara 11 lagi menghantar pengurusan kanan.

Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata walaupun hanya 13 daripada tokoh utama IAP menghadiri mesyuarat kali ini, ia dianggap sebagai perkembangan menggalakkan serta sudah dijangka oleh MDC.

"Kami menekankan kepada kualiti perbincangan berbanding kuantiti. Jika ahli yang hadir berupaya menyumbangkan idea bernas dan praktikal, mesyuarat kali ini sudah mencapai matlamatnya," katanya di Cyberjaya, minggu lalu.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mengumumkan senarai nama ahli IAP yang dijangka hadir pada mesyuarat kali ketiga IAP selama dua hari bermula 8 Julai ini.

Panel antarabangsa IAP itu menjadi badan penasihat kepada kerajaan Malaysia terutama dalam pembentukan dasar utama serta menentukan hala tuju strategik MSC.

Ia terdiri daripada 43 ahli ternama dalam industri teknologi maklumat (IT), telekomunikasi dan industri strategik di dunia.

Gabungan kesemua ahli terkenal dalam bidang masing-masing itu sangat unik kerana ini adalah kali pertama kesemua mereka dapat dihimpunkan bagi membantu negara ini menerokai pelbagai peluang yang ada dalam industri multimedia.

Mesyuarat pertama IAP diadakan di Universiti Stanford, Los Angeles, Amerika Syarikat Januari 1997, sementara mesyuarat kedua di Cyberjaya Februari tahun lalu.

Menurutnya, mesyuarat IAP kali ini bakal menyaksikan penyertaan dua anggota baru iaitu Pengarah Universiti Peking di China, Prof Wang Xuan dan Pengarah Cutler & Company, Dr Terry Cutler dari Australia.

"Penyertaan dua anggota baru itu membuktikan sokongan terhadap IAP masih kukuh dan nada sinis yang banyak kedengaran sebelum ini terbukti tidak berasas," katanya.

Beliau berkata, selain mesyuarat ketiga IAP, beberapa program menarik dirancang, termasuk perasmian bandar raya Cyberjaya, Universiti Multimedia serta Pusat Inkubator dan Makmal Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Nippon Telegraph Telecommunications (NTT).

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi IAP akan menyempurnakan perasmian kemudahan berkenaan," katanya.

Mengenai kedudukan futuris Alvin Toffler, Dr Othman berkata, Toffler masih kekal sebagai ahli IAP walaupun pandangan kritikalnya terhadap kerajaan berikutan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Walaupun sering mengkritik cara Perdana Menteri mengendalikan kes pemecatan Datuk Seri Anwar namun beliau tidak pernah menyatakan untuk melepaskan keahliannya dalam IAP," katanya.